

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

NASIONAL
SABTU 17 OGOS 2024 • SINAR HARIAN

13

Cecair vape itu boleh menyebabkan gejala keracunan teruk hingga berpotensi membawa maut

Oleh **NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA**
SHAH ALAM

Rokok elektronik atau vape jenis *magic mushrooms* mengandungi dadah sintetik yang berbahaya dan boleh menyebabkan gejala keracunan teruk hingga berpotensi membawa maut.

Pelajar pengan hisap vape magic mushroom bebas dadah

KUALA TERENGGANU - Polis mengesahkan tiada dadah dadah dalam sampel darah pelajar Tingkatan Empat sebuah sekolah menengah di Marang yang merupakan bekas sekolah di sekolah menengah yang mengandungi magic mushrooms, 22 Julai lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Kharudin berkata, ia berdasarkan laporan diterima daripada Jabatan Kimia yang memaklumkan keputusan keputusannya adalah negatif.

"Mereka sudah pernah diperiksa Jabatan Kimia dan keputusan keputusannya adalah negatif."

"Ia bermaksud tidak ada dadah dadah dalam tubuh pelajar tersebut malah guru tidak ada kebarangkalian untuk mengesan ke-



Laporan *Sinar Harian* pada 9 Ogos lalu.

Sampel *magic mushrooms* mengandungi dadah sintetik

Pusat Racun Negara (PRN) dalam kenyataan menjelaskan pihaknya telah melakukan kajian terhadap beberapa sampel cecair rokok elektronik yang didakwa mengandungi dadah jenis *psilosibin*.

"Tiada dadah *psilosibin* di-kesan dalam sampel tersebut sebaliknya mengandungi dadah sintetik yang lebih berbahaya.

"Ia menunjukkan vape sangat mudah dimanipulasi dan penggunaan tanpa kawalan boleh menjurus kepada penyalahgunaan dadah berbahaya.

"Ia termasuklah dadah sintetik baharu seperti ketamin, *phencyclidine* dan dadah jenis *amphetamine*," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Jumaat.

Pada 29 Julai lalu, seorang pelajar Tingkatan Empat dikejarkan ke hospital di



Vape jenis *magic mushroom* mengandungi dadah sintetik yang berbahaya. - Gambar hiasan

Terengganu selepas mengalami sawan dan tidak sedarkan diri dipercayai selepas mengambil vape jenis *magic mushrooms*.

Menurut sumber, kejadian itu

berlaku apabila mangsa dikatakan rebah secara tiba-tiba dan tidak sedarkan diri ketika berada di sekolah.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati mangsa mengalami sawan akibat pengambilan bahan kimia tersebut secara berlebihan.

Bagaimanapun, pada 8 Ogos lalu, polis mengesahkan tiada kesan dadah ditemui dalam sampel darah yang diambil daripada pelajar berkenaan.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Kharudin berkata, ia berdasarkan laporan diterima daripada Jabatan Kimia yang memaklumkan keputusan keputusannya adalah negatif.

Dalam pada itu, PRN turut memberi amaran kepada orang awam untuk tidak mencuba menghisap vape jika dipelawa oleh orang lain.

"Peningkatan penggunaan vape yang mengandungi dadah berbahaya adalah sangat membimbangkan terutamanya jika berlaku dalam kalangan pelajar sekolah.

"Kelompangan dalam kawalan undang-undang terhadap produk vape telah mula menunjukkan impak kepada rakyat.

"Setiap detik berlalu, semakin ramai lagi bakal terjebak dengan perangkap dadah melalui amalan menghisap vape yang semakin membudaya," jelasnya.

Pada masa sama, PRN menggesa orang ramai untuk memaklumkan kepada petugas kesihatan tentang penggunaan vape jika mengalami gejala yang tidak dijangka atau teruk selepas menggunakan peranti berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Ambil serius isu kesihatan mental

Statistik menunjukkan satu pertiga rakyat Malaysia berdepan masalah mental

Oleh NURATIKAH
ATHILYA HASSAN
SHAH ALAM

Peningkatan masalah kesihatan mental di Malaysia semakin membimbangkan apabila secara statistiknya seorang daripada tiga individu akan berdepan masalah tersebut.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendedahkan, seramai sejuta atau bersamaan 4.6 peratus penduduk Malaysia berusia lebih 15 tahun mengalami isu kemurungan.

Menerusi hasil tinjauan dilakukan, jumlah itu menunjuk-

kan peningkatan dua kali ganda berbanding tahun 2019 (2.3 peratus) dengan golongan berusia 16 hingga 29 tahun paling ramai mengalaminya.

Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak pula menyaksikan peningkatan daripada 7.9 peratus pada tahun 2019 kepada 16.5 peratus pada tahun 2023.

Statistik menunjukkan satu daripada enam kanak-kanak mengalami masalah berkenaan. Menurut Pegawai Psikologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Redzuan Zamberi, masalah kesihatan mental boleh berlaku disebabkan beberapa faktor, antaranya trauma sejarah hitam.

Menurutnya, pengalaman pahit daripada peristiwa silam yang tidak dirawat dan dibiarkan sehingga menjadi semakin parah boleh menyebabkan seseorang itu mengalami masalah kesihatan mental.

"Sebolehnya dapatkan bantuan awal jika menghadapi peristiwa yang memberi kesan kepada kesihatan mental, jika

dibiarkan terlalu lama iaitu tiga bulan, ia akan mendorong kepada sikap murung yang semakin teruk.

"Lebih membimbangkan sekiranya ia berlarutan sehingga lebih enam bulan, simptom berkenaan akan pergi ke tingkat lebih tinggi dan sukar untuk dirawat kerana minda sudah berada di tahap separa sedar," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Tambah Mohd Redzuan, individu yang mempunyai simptom masalah kesihatan mental perlu berjumpa kaunselor atau doktor perubatan untuk mengambil ujian kesihatan mental.

Ujarnya, tanda-tanda seseorang menghadapi masalah boleh dikesan menerusi perubahan sikap atau personaliti yang berlaku secara drastik.

"Contohnya, sebelum ini dia sangat ramah, ceria dan bersosial. Tiba-tiba berubah menjadi



MOHD REDZUAN

introvert dan banyak termenung. Perkara seperti ini perlu dikenal pasti. Selalunya perubahan mendadak ada kaitan dengan pendaman atau masalah emosi.

"Yang kedua, dia menjauhi kelompok sosial dan lebih suka menyendiri. Ketiga, dia memang suka bertonolog. Mengi-

kut psikologi, manusia adalah makhluk sosial yang akan berinteraksi sama ada verbal atau non-verbal.

"Sekiranya verbal, dia akan bercakap dengan kawan baik, keluarga dan orang-orang yang dipercayainya tetapi jika sebaliknya, dia akan mula meluahkan perasaan melalui media sosial," jelasnya.

Ujarnya, apabila individu itu lebih banyak bercakap dengan diri sendiri ia akan mendorong kepada berfikir secara berlebihan yang pada akhirnya akan menyebabkan gejala *anxiety* atau keresahan.

Menurutnya, tabiat tersebut merupakan satu perkara yang perlu dielakkan kerana dari sudut psikologi tiada jawapan atau penyelesaian akan diterima.

"Bila semakin lama dibiarkan, keadaan akan menjadi lebih teruk kerana yang 'menjawab' itu adalah dirinya yang negatif. Jadi, hal ini pun ada kaitan juga dengan unsur mistik sebab dia sudah mula menarik aura negatif.

"Kalau ikut psikologi, manusia yang tidak rasional akan cenderung untuk membinasakan diri sendiri. Situasi itu akan mula tercetus apabila ada bisikan-bisikan untuk membunuh diri," ulasnya.

Mohd Redzuan berkata, individu yang bermasalah perlu merujuk kepada pakar untuk mendapatkan bantuan dan mencari penyelesaian.

"Sayangi diri anda. Jangan pendam sendiri kerana ia akan merosakkan fikiran serta emosi. Jika tidak dibantu, ia akan membawa kepada keadaan lebih teruk," jelasnya.

Tidak mampu punca enggan ambil insurans kesihatan mental

SHAH ALAM - Bimbang akan pertambahan komitmen menyebabkan kebanyakan individu yang menghidap masalah kesihatan mental enggan mengambil polisi insurans perlindungan penyakit berkenaan.

Seorang pekerja kilang yang mahu dikenali sebagai Nur Alisa, 26, berkata, dia tidak melanggan sebarang insurans perlindungan kesihatan ekoran pihak syarikat sudah menyediakan polisi itu kepada para pekerja.

"Saya tahu insurans disediakan syarikat itu tidak merangkumi perlindungan kesihatan mental tetapi saya tidak bercadang untuk mengambil polisi tambahan peribadi.

"Walaupun saya ada masalah kemurungan, saya tidak mampu untuk membayar polisi itu setiap bulan. Kalau saya ambil insurans, ia akan menambah beban komitmen bulanan dan saya akan lebih tertekan," katanya ketika dihubungi pada Jumaat.

Tambah Nur Alisa, kewangan merupakan salah satu punca dia 'terperangkap' dalam masalah kesihatan mental.

Sementara itu, seorang pekerja swasta di Segamat Johor, Sakinah Amnah (bukan nama sebenar), 24, berkata, dia memilih untuk tidak melanggan sebarang polisi insurans kerana tanggungjawab menjaga ibu yang sedang sakit.

Menurut Sakinah Amnah, ibunya menghidap strok sejak tahun 2020 dan memerlukan perbelanjaan besar untuk merawatnya.

"Saya mula berdepan dengan keclaru-

an kemurungan major sewaktu ibu diserang strok ketika Covid-19. Kedua-duanya berlaku serentak sehinggakan saya takut.

"Saya cuba mengatasi masalah itu secara sendiri walaupun ia sukar. Bagi saya, kesihatan ibu jauh lebih penting. Dia kekuatan saya," katanya.

Menurut seorang pekerja kontrak, Noor Amirah (bukan nama sebenar), 27, dia ada melanggan insurans perlindungan termasuk kesihatan mental, namun tidak pernah menggunakan perkhidmatan tersebut.

Ujarnya, langganan itu dilakukan sebelum dia berhadapan dengan masalah tekanan perasaan susulan gangguan seksual di pejabat.

"Walaupun saya melanggan polisi itu, saya tidak pernah ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Saya khuatir terhadap ketidakupayaan diri berhadapan realiti bahawa saya ada sakit mental," jelasnya.

Bagi pekerja sambilan, Nurul Fatimah (bukan nama sebenar), 31, dia tidak mengetahui bahawa insurans ada menawarkan polisi perlindungan kesihatan mental.

"Ejen insurans tidak menjelaskan secara terperinci. Kalau dimaklumkan ada polisi yang tawar perlindungan kesihatan mental, saya mahu melanggannya kerana kini saya berdepan dengan kemurungan disebabkan tekanan di tempat kerja.

"Proses untuk mendapatkan rawatan masalah mental ini tidak mudah dan melibatkan kos yang tinggi," ulasnya.

Insurans penyakit mental wujud, belum dapat sambutan

SHAH ALAM - Kebanyakan penyedia insurans di negara ini sudah menawarkan polisi perlindungan penyakit berkaitan mental bagi memberi penjagaan tambahan kepada pesakit terlibat.

Pengurus agensi syarikat insurans, Uzaini Hasyidan Mohamed berkata, perlindungan yang ditawarkan termasuk

tuntutan bagi yuran perundingan psikiatri di hospital awam atau swasta.

"Sesetengah jenama insurans memberi manfaat meliputi beberapa keadaan kesihatan mental, antaranya keclaruhan kemurungan major, kemurungan *postpartum*, skizofrenia, keclaruhan bipolar dan sindrom tourette.

"Manfaat perlindungan ini merupakan sebahagian daripada komitmen penyedia insurans untuk membantu rakyat Malaysia hidup lebih sihat tanpa perlu bimbang tentang beban kewangan bagi kos perundingan dan rawatan," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni dilapor berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mempertimbangkan untuk mengemukakan cadangan kepada



UZAINI HASYIDAN

Jemaah Menteri bagi memasukkan kesihatan mental dalam pakej insurans kesihatan ke arah usaha memberi perlindungan lebih meluas.

Dalam pada itu Uzaini Hasyidan mengakui tidak ramai yang mencarum insurans untuk kesihatan mental kerana menganggap penyakit berkaitan mental kurang penting berbanding penjagaan kesihatan fizikal lain.

"Pencarum perlu isytihar jenis penyakit yang dihidapi sebelum dilindungi oleh insurans berkenaan, jadi ramai yang anggap ia bukan keperluan kerana tidak tergolong dalam kalangan pesakit mental.

"Berbeza dengan perlindungan kesihatan fizikal sebab kita akan ambil insurans sebelum dapat penyakit," ujarnya.

Tambahnya, pengambilan insurans bagi merawat pesakit mental bergantung kepada pilihan individu, namun polisi yang ditawarkan lebih menumpukan terhadap mengurangkan beban untuk rawatan pesakit mental.

"Di masa akan datang saya percaya lebih banyak syarikat insurans mampu mengahsilkan penyelesaian terbaik bagi memenuhi kehendak rakyat Malaysia," menurutnya.